

KAEDAH MENANGANI KEBOSANAN MAHASISWA TERHADAP SUBJEK KENEGARAAN MALAYSIA

Ku Hasnita Ku Samsu (PhD)¹

Zatul Himmah Adnan (PhD)

Mohd. Mahadee Ismail (PhD)

Lee Yok Fee (PhD)

Arfah Ab Majid (PhD)

Ratna Roshida Ab Razak (Prof. Madya, PhD)

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Antara usaha yang dilakukan untuk memperkukuhkan semangat patriotisme serta memantapkan jati diri mahasiswa di sesetengah institusi pengajian tinggi adalah dengan mewajibkan kursus Kenegaraan Malaysia. Melalui subjek tersebut, mahasiswa akan mempelajari dan mendalami aspek-aspek asas yang berkaitan dengan sejarah negara, sistem pemerintahan serta pembinaan negara bangsa. Walau bagaimanapun subjek sedemikian dianggap membosankan bagi sebahagian besar mahasiswa kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan kurang menarik minat mereka. Justeru, kajian yang dijalankan secara kuantitatif ini meninjau kaedah-kaedah yang berupaya menarik minat mahasiswa untuk mengikuti kursus bertemakan pembinaan negara bangsa tersebut, seterusnya memantapkan semangat patriotisme mereka. Sampel kajian terdiri daripada 800 responden Universiti Awam (UA) iaitu, 400 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dan 400 mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah berpengalaman mengambil kursus Kenegaraan Malaysia. Pengalaman mereka penting bagi mencapai objektif kajian ini. Responden Universiti Swasta (US) tidak terlibat dalam kajian ini kerana kursus Kenegaraan Malaysia atau yang seumpama dengannya tidak lagi diwajibkan kepada mahasiswa tempatan di peringkat ijazah semenjak tahun 2013 sekali gus tidak memenuhi kriteria pemilihan sampel untuk kajian. Hasil kajian memaparkan antara kaedah-kaedah yang dapat membantu mengatasi kebosanan mahasiswa terhadap kursus Kenegaraan Malaysia adalah seperti mengadakan lawatan ke tempat-tempat bersejarah, projek khidmat masyarakat, perbincangan hal ehwal semasa dalam kelas, dan sebagainya lagi.

Kata Kunci: *pendidikan patriotisme, kursus wajib universiti, Kenegaraan Malaysia*

PENGENALAN

Kenegaraan Malaysia merupakan sebuah subjek berasaskan sejarah negara yang diwajibkan kepada mahasiswa yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di beberapa buah institusi pengajian tinggi seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Manakala di Universiti

¹ E-mel: atyn74@yahoo.com, hasnita@upm.edu.my

Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pula, kursus sebegini dikenali sebagai Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia. Matlamat utama penawaran kursus wajib ini adalah untuk memantapkan semangat patriotisme mahasiswa. Hal ini bukanlah bermakna semangat patriotisme mahasiswa berada di tahap yang sangat kritikal sehingga menyebabkan kursus sebegini diwajibkan kepada mereka. Namun, adalah tidak mustahil jika tahap semangat patriotisme mereka menunjukkan penurunan dari semasa ke semasa sehingga ke tahap yang paling lemah jika tiada sebarang usaha untuk memperkasakan semangat tersebut. Tambahan pula dengan konsep "dunia dihujung jari" akibat perkembangan pesat teknologi maklumat, terutamanya melalui media sosial menjadikan mahasiswa mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif sama ada dari dalam mahupun luar negara yang boleh mencabar kedaulatan negara; contohnya seperti penularan isu tentang penghinaan terhadap Raja-raja Melayu, agama Islam, tugas anggota pertahanan negara seperti polis dan tentera serta pertikaian terhadap hak istimewa orang Melayu. Malah, gejala sosial yang sering ditularkan melalui media sosial seperti pornografi, video lucah, seks bebas dan transgender juga boleh merosakkan generasi muda dan negara.

Justeru, negara memerlukan benteng asas untuk mempertahankan asetnya yang merujuk kepada generasi muda daripada terpengaruh dan terjebak ke dalam gejala-gejala negatif tersebut, antaranya adalah menerusi pendidikan patriotisme melalui kursus Kenegaraan Malaysia dan yang seumpama dengannya. Sememangnya pengajaran subjek patriotisme berupaya mempertingkatkan kesedaran patriotisme mahasiswa (Chu dan Couper, 2003). Walaubagaimana pun kursus patriotisme berteraskan sejarah negara ini kebiasaannya dianggap membosankan oleh para mahasiswa. Malah faktor kebosanan tersebut seringkali dikaitkan dengan keperluan untuk menghafal serta mengingati fakta-fakta dan peristiwa sejarah (Yong Shu Lan, 2013). Justeru, kajian ini akan mengenalpasti apakah kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian bagi menangani kebosanan para mahasiswa terhadap kursus pembinaan Negara bangsa ini.

KURSUS KENEGARAAN MALAYSIA SEPINTAS LALU

Kenegaraan Malaysia atau *Malaysian Studies* merupakan sebuah kursus berteraskan pendidikan patriotisme yang pernah diwajibkan oleh semua Universiti Swasta (US) dan sebahagian besar Universiti Awam (UA) pada suatu ketika dahulu. Namun setelah kursus Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) diwajibkan kepada semua mahasiswa yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di semua institusi pengajian tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2013, kursus Kenegaraan Malaysia dan yang seumpama dengannya telah dirangkumkan dalam kelompok U1 yang hanya diwajibkan diperingkat sijil dan diploma sahaja bagi pelajar bersatus warganegara Malaysia. Manakala di peringkat Ijazah Sarjana Muda pula, kursus Kenegaraan Malaysia dan yang seumpama dengannya hanya diwajibkan kepada pelajar bersatus bukan warganegara Malaysia (Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum, 2016). Kelompok U1 merujuk kepada skop penawaran kursus yang berupaya membentuk mahupun memupuk pelajar untuk memiliki pengetahuan dalam menghayati sejarah Malaysia dan nilai-nilai murni. Objektif penawaran kursus dalam kelompok U1 adalah untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai pengetahuan mengenai warisan dan sejarah negara serta memperlihatkan nilai-nilai murni dalam berinteraksi dengan masyarakat serta menyediakan kemahiran asas berbahasa Melayu untuk pelajar bukan warganegara.

Walaupun kursus Kenegaraan Malaysia kini tidak lagi diwajibkan kepada mahasiswa bertaraf warganegara yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam oleh KPT, namun beberapa buah UA tetap mewajibkan kursus tersebut kepada pelajar-pelajar mereka sebagai syarat untuk bergraduasi. Contohnya Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang menggunakan pakai nama kursus Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia. Secara umumnya, silibus kursus Kenegaraan Malaysia dan yang seumpama dengannya merangkumi aspek sejarah negara, sistem pemerintahan dan pembinaan negara bangsa yang merangkumi aspek semangat patriotisme, Rukun Negara, perpaduan dan sebagainya lagi. Dalam konteks ini, sejarah boleh diibaratkan sebagai guru kepada manusia untuk memahami, mempelajari dan mengambil iktibar dari kejadian masa lampau. Tanpa sejarah, manusia akan hilang pedoman ibarat kapal tanpa nakhoda di tengah-tengah lautan luas. Selain itu, sejarah juga berupaya membentuk keyakinan diri dan perasaan bangga terhadap bangsa dan negara. R.G Collingwood misalnya mengangkat kepentingan sejarah sebagai hakikat kepada kesinambungan sesebuah masyarakat dan ia diperlukan sebagai panduan bagi memastikan perjalanan masa depan menjadi lebih terarah (Mohamad Rodzi Abd Razak, 2009). Justeru aspek sejarah dalam kursus ini merupakan bahagian yang sangat penting kerana melaluinya para pelajar akan mengetahui asal-usul, mengambil pengajaran daripada peristiwa lalu sama ada berbentuk kelemahan mahu pun kekuatan. Oleh yang demikian, jati diri mereka dapat dimantapkan sekali gus melahirkan perasaan bangga dan cintakan tanah air mereka. Hal ini selaras dengan objektif utama pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia iaitu memantapkan semangat patriotisme mahasiswa.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian yang berkaitan dengan pendidikan patriotisme dan sivik seperti Kenegaraan Malaysia, Sivik dan Sejarah oleh para penyelidik lepas. Realitinya, tujuan penawaran subjek sedemikian antara lain adalah untuk memantapkan perasaan cintakan tanah air dalam kalangan pelajar sekali gus memperkukuhkan keterikatan penyatuan jiwa antara rakyat dan negara. Melalui subjek tersebut, para pelajar dididik tentang hak dan tanggungjawab rakyat serta hal yang bersangkutan dengan masyarakat dan negara seterusnya menganalisis peristiwa yang berlaku di tanah air mereka. Dengan demikian, secara tidak langsung akan tercetus rasa tanggungjawab di minda mereka untuk bersama-sama dengan pihak autoriti dalam menjaga keselamatan negara. Umpamanya di Amerika Syarikat, penawaran subjek Sivik dilihat sangat penting terutamanya selepas tragedi serangan ke atas New York pada 11 September 2001 untuk memperkasakan nilai sivik serta patriotisme pelajar (Manzo, 2001). Walaubagaimana pun subjek Sivik telah diabaikan sebelum tragedi tersebut (Gehring, 2002). Hal ini menunjukkan bahawa ancaman yang berlaku kepada negara berupaya memberi kesan kepada tumpuan rakyat terhadap subjek yang memiliki nilai kenegaraan yang tinggi yang dipandang sepi selama ini. Tambahan pula, para pemimpin turut menggesa agar pihak sekolah bergiat aktif dalam menghidupkan dan menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan pelajar seperti menekankan pendidikan sivik, mengibarkan bendera Amerika dan melekatkan poster "*God Bless America*" di bilik-bilik darjah dan di dewan sekolah. Di samping itu, para pelajar juga dikehendaki memakai pakaian bermotifkan bendera Amerika iaitu merah, putih, biru dan menyanyi lagu patriotik. Malah menurut Vail (2002), Presiden Amerika ketika itu iaitu George W. Bush juga menuntut agar para pelajar mempunyai semangat patriotik yang tinggi terhadap negara. Begitu juga dengan Setiausaha Pendidikan iaitu Rod Paige yang

menggesa supaya para pelajar membaca ikrar kesetiaan dengan suara yang bersatu. Secara tidak langsung, campur tangan pemimpin turut memainkan peranan penting agar pelajar lebih bersemangat mendalami subjek sivik yang memberi kesan ke arah kekentalan semangat patriotisme mereka. Secara umumnya, sesi pembelajaran dan pengajaran yang berlangsung dengan bersemangat berupaya mencetuskan minat pelajar terhadap subjek yang dipelajari.

Selain itu, Sejarah juga merupakan subjek berteras patriotisme yang seringkali dikaitkan dengan kebosanan pelajar. Justeru, Mohamad Johdi dan Ariegusrini (2009) melalui kajian mereka tentang transformasi pengajaran Sejarah mendapati bahawa kaedah penggunaan medium teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan antara cara yang berkesan untuk menarik minat pelajar mempelajari subjek Sejarah, sekali gus dapat mengatasi isu kebosanan. Penggunaan ICT dalam proses pdp Sejarah boleh diprogramkan dengan melalui rajah, data, imej, teks, animasi, bunyi, suara, dan video. Oleh yang demikian, proses pdp Sejarah akan menjadi lebih menarik dan menyeronokkan kerana disampaikan dengan bunyi dan animasi. Ini akan membantu proses pdp dijayakan dengan lebih bertenaga, meriah, hidup dan berkesan. Dalam konteks ini, Norhayati Ishak, Fathilah Akmal Ismail, Fiqkha Akma Mohd Hussein, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad (2016) menegaskan bahawa subjek Sejarah yang diajar adalah penting dalam menyemai nilai kesetiaan kepada negara, cintakan tanah air serta dapat mencetuskan keprihatinan terhadap peristiwa berlaku dalam negara. Lantaran itu, subjek Sejarah sememangnya berperanan sebagai medium penting dalam memupuk serta memantapkan semangat patriotisme generasi muda agar menjadi rakyat yang taat setia dan berbangga dengan budaya dan warisan negaranya. Sebenarnya sebahagian daripada isi kandungan subjek Sejarah ini turut diserapkan dalam subjek Kenegaraan Malaysia, Pengajian Malaysia dan yang seumpama dengannya yang diwajibkan di peringkat institusi pengajian tinggi tertentu. Dalam hal ini, Murni Wan Mohd Nor, Zatul Himmah Adnan, Ku Hasnita Ku Samsu, Mohd Mahadee Ismail (2016) turut menjelaskan bahawa kaedah pdp yang inovatif dan menarik memang berupaya menarik minat pelajar terhadap kursus Kenegaraan Malaysia, seterusnya memperkasakan semangat patriotisme mereka.

Sehubungan itu, Ku Hasnita Ku Samsu (2014) telah membincangkan pengalaman beliau tentang kaedah lakonan yang berjaya menarik minat dan meredakan kebosanan pelajar terhadap subjek Kenegaraan Malaysia. Melalui kaedah tersebut, pelajar diminta menjiwai watak dan menyediakan peralatan lakonan bersesuaian dengan tema lakonan yang berpaksikan patriotisme. Walau bagaimanapun, kaedah lakonan tersebut hanyalah sekadar catatan pengalaman penyelidik tersebut tanpa melibatkan kaedah-kaedah lain yang mungkin lebih menarik minat pelajar untuk meminati subjek Kenegaraan Malaysia. Justeru, kajian ini akan meneliti secara terperinci kaedah-kaedah yang disukai oleh para pelajar untuk menangani isu kebosanan terhadap proses pdp subjek Kenegaraan Malaysia. Apabila perasaan minat wujud, maka proses penyerapan, pemahaman dan penghayatan isi kandungan subjek tersebut akan berlaku dengan lancar, sekali gus memudahkan objektif pengajaran kursus tersebut dicapai.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif yang melibatkan 400 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dan 400 mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai responden kajian. Penetapan jumlah responden tersebut adalah berdasarkan kepada purata

piawaiian penetapan saiz sampel sepertimana yang telah dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 800 orang. Teknik pensampelan berstrata telah digunakan bagi menentukan sampel kajian. Responden dikategorikan kepada strata etnik berdasarkan nisbah populasi penduduk Malaysia iaitu 50% etnik Melayu serta Bumiputera Sabah dan Sarawak, 30% etnik Cina, 15% etnik India dan lain-lain etnik sebanyak 5%.

Kesemua responden terdiri daripada mahasiswa yang telah mengambil kursus berteraskan patriotisme iaitu Kenegaraan Malaysia. Walaupun terdapat beberapa buah universiti awam (UA) lain yang turut menawarkan kursus Kenegaraan Malaysia seperti Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang mengguna pakai nama kursus Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia, namun UPM telah dipilih sebagai lokasi kajian memandangkan tempoh penawaran kursus tersebut yang melebihi usia 30 tahun iaitu semenjak awal tahun 1980-an hingga kini (Zaid, Sri Rahayu & Ahmad Tarmizi 2010: 133). Elemen senioriti perlu diambil kira dalam penentuan sampel kajian kerana aspek tersebut merupakan refleksi kepada pengalaman mendidik anak bangsa patriotik yang dicurahkan oleh para pensyarah kepada para mahasiswa. Manakala pemilihan UPSI pula adalah disebabkan institusi tersebut secara langsung berperanan dalam mendidik bakal-bakal guru yang akan mencurahkan khidmat bakti dalam mendidik anak bangsa. Justeru, apabila mereka dilengkapi dengan ilmu patriotisme yang mantap melalui kursus Kenegaraan Malaysia, maka diharapkan ilmu tersebut akan disebar dan disemai ke dalam jiwa para pelajar mereka nanti dengan penuh penghayatan. Data dianalisis secara diskriptif bagi mencapai serta menghuraikan objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Masalah kebosanan pelajar terhadap subjek Kenegaraan Malaysia boleh diatasi melalui kaedah pdp yang menarik oleh pensyarah yang kreatif dan inovatif. Berikut merupakan dapatan kajian yang memperlihatkan persetujuan responden terhadap kaedah-kaedah pdp yang boleh menangani isu kebosanan tersebut.

	Perkara	Persetujuan (%)	
		Bersetuju	Tidak Bersetuju
1.	Menghubungkan fakta sejarah dengan situasi semasa	95.6	4.4
2.	Memperbanyakkan perbincangan dalam kelas tentang hal ehwal semasa	95.2	4.8
3.	Menganjurkan aktiviti lakonan bertemakan patriotisme (<i>role play</i>)	95.0	5.0
4.	Lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan institusi kenegaraan(Kota Melaka, muzium-muzium, Parlimen, Mahkamah, agensi kerajaan dll)	94.3	5.7
5.	Menayangkan video berunsurkan patriotik	94.3	5.7
6.	Melaksanakan aktiviti menemu bual pejuang negara tentang pengalaman mereka semasa zaman penjajahan	93.4	6.6
7.	Mengadakan kuiz	92.6	7.4
8.	Menganjurkan aktiviti khidmat masyarakat (membersihkan	92.0	8.0

	tempat awam, menjalankan kerja-kerja sosial, membersihkan tandas awam dll)		
--	--	--	--

Secara keseluruhan, didapati lebih daripada 92 peratus responden bersetuju akan semua kaedah pdp yang telah disenaraikan dalam borang soal selidik. Hal ini membuktikan sememangnya pelajar kursus ini memerlukan kelainan dalam proses pdp Kenegaraan Malaysia. Sememangnya dalam silibus Kenegaraan Malaysia, sejarah negara merupakan teras utama. Justeru, bagi menghindari perasaan bosan terhadap aspek sejarah negara dalam kursus tersebut, maka fakta sejarah perlulah dikaitkan dengan situasi semasa yang berlaku dalam negara. Kaedah ini dipersetujui oleh 95.6 peratus responden. Contohnya isu integriti seperti rasuah yang berleluasa pada hari ini sama ada melibatkan pemimpin negara mahupun rakyat biasa boleh menghancurkan negara. Perkara ini boleh dikaitkan dengan peristiwa kejatuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ke tangan penjajah Portugis pada tahun 1511 yang antara lain disebabkan oleh gejala rasuah. Apabila pensyarah berjaya membuat perkaitan sedemikian, para pelajar akan dapat merasakan kerelevanan fakta-fakta sejarah dengan situasi semasa yang berlaku pada masa kini. Walaubagaimana pun, aktiviti hubung-kait tersebut tidak semestinya dilakukan oleh pensyarah sahaja. Pensyarah hanya sekadar memberi contoh, aktiviti menghubungkan kait fakta sejarah dengan isu semasa perlu dilakukan sendiri oleh para pelajar dengan bantuan pensyarah. Justeru, proses interaksi dua hala akan berlaku dalam proses pdp yang melibatkan pelajar dan pensyarah sekali gus dapat menarik minat pelajar untuk menyukai subjek ini seterusnya dapat mengatasi masalah kebosanan.

Selain itu, seramai 95.2 peratus responden bersetuju agar diperbanyakkan perbincangan dalam kelas tentang hal ehwal semasa. Hal ini dapat memberi kesedaran kepada para pelajar betapa relevannya subjek Kenegaraan Malaysia dengan kehidupan seharian mereka sebagai warganegara. Perbincangan tersebut mestilah melibatkan pelajar, bukan berdasarkan idea pensyarah semata-mata. Contohnya, pensyarah mengarahkan para pelajar sama ada secara berkumpulan ataupun individu untuk mencari isu-isu hangat daripada media cetak, media eletronik ataupun media sosial untuk dibincangkan dalam kelas. Walaubagaimana pun perbincangan tersebut mestilah mempunyai fokus yang jelas agar hasil pembelajaran kursus tercapai. Justeru, isu-isu semasa yang dicari oleh pelajar perlulah selari dengan topik pembelajaran.

Seterusnya, aktiviti lakonan bertemakan patriotisme juga merupakan kaedah yang disukai oleh 95 peratus responden. Melalui aktiviti tersebut, kreativiti ataupun bakat terpendam mereka akan terungkap dan terserlah. Contohnya dalam menyediakan peralatan lakonan seperti meriam, tembok kota Melaka, sampan, radio, pakaian penjajah portugis dan Inggeris dan sebagainya lagi pelajar dikehendaki menggunakan kreativiti untuk mencipta sendiri peralatan tersebut menggunakan bahan terbuang. Mereka tidak dibenarkan membawa peralatan sebenar. Justeru, pelajar akan berbincang dengan rakan sekumpulan untuk mendapatkan idea. Berikutnya, mereka akan memikirkan watak yang akan dibawa serta menghayatinya. Kemudian diteruskan dengan sesi latihan. Aktiviti sebegini sememangnya sangat menyeronokkan bagi mereka kerana proses pdp yang berlaku tidak terikat dengan hafalan fakta sejarah semata-mata.

Penganjuran aktiviti luar kelas seperti program lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan institusi kenegaraan juga dapat mengurangkan rasa bosan pelajar terhadap kursus Kenegaraan Malaysia. Hal ini dipersetujui oleh 94.3 peratus responden. Melalui program lawatan, para pelajar akan dapat menyaksikan sendiri aspek-aspek yang telah dibincangkan di dalam kelas secara teori. Contohnya bagi aspek institusi kenegaraan, pelajar boleh dibawa melawat Parlimen, mahkamah, agensi-agensi kerajaan supaya pelajar dapat menyaksikan sendiri bagaimana undang-undang digubal serta proses penghakiman dan pentadbiran negara secara langsung. Bagi aspek sejarah negara pula, program lawatan boleh dilakukan di tempat-tempat bersejarah seperti muzium-muzium di Bandaraya Melaka untuk melihat sendiri sejarah peninggalan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka serta menghayati dan mendalami peristiwa perjuangan orang Melayu di era penjajahan. Di samping itu, para pelajar juga boleh menyaksikan sendiri jajaran kota Melaka yang baharu dijumpai di dalam tanah yang menggambarkan keteguhan kota binaan orang Melayu Melaka ketika itu. Pendedahan sebegini sememangnya dapat menyemarakkan semangat patriotisme pelajar serta bangga dengan pejuang-pejuang negara.

Penggunaan sistem audio-visual juga dapat membantu mengurangkan rasa bosan terhadap proses pdp Kenegaraan Malaysia. Justeru 94.3 peratus responden bersetuju bahawa penayangan video bertemakan patriotisme boleh menarik minat pelajar terhadap kursus tersebut. Video tersebut tidak semestinya yang berkisar tentang zaman penjajahan dan perjuangan menuntut kemerdekaan sahaja seperti Bukit Kepong, Sarjan Hassan, Hati Malaya dan Tanda Putera sahaja, tetapi turut melibatkan filem-filem moden seperti Bravo 5, Ola Bola dan Gerak Khas. Selain itu, video tentang dokumentari pembangunan negara juga boleh ditayangkan. Selepas sesi tayangan video ini, penyarah mestilah memberi tugas kepada pelajar untuk menguji pemahaman mereka sekali gus mencapai objektif pembelajaran. Dalam konteks ini, 92.6 peratus pelajar bersetuju aktiviti kuiz sesuai dijalankan untuk tujuan tersebut. Hal ini dapat menjadikan sesi pdp subjek tersebut menjadi lebih menarik dan kurang membosankan.

Tidak dinafikan bahawa para pelajar sangat menggemari aktiviti luar kelas kerana aktiviti pdp yang tertumpu di dalam kelas semata-mata akan mengundang kebosanan terhadap subjek yang dipelajari. Hal ini terbukti melalui persetujuan responden yang masing-masing mencatatkan 93.4 dan 92 peratus terhadap item Melaksanakan aktiviti menemu bual pejuang negara tentang pengalaman mereka semasa zaman penjajahan dan Menganjurkan aktiviti khidmat masyarakat seperti membersihkan tempat awam, menjalankan kerja-kerja sosial dan membersihkan tandas awam dapat menarik minat pelajar terhadap kursus Kenegaraan Malaysia serta mengurangkan rasa bosan mereka.

KESIMPULAN

Kebosanan pelajar terhadap subjek Kenegaraan Malaysia boleh diatasi melalui kreativiti pensyarah dalam mengendalikan aktiviti berpusatkan pelajar dalam kelas. Maksudnya, pensyarah memainkan peranan penting dalam menjayakan dalam proses pdp subjek tersebut, manakala para pelajar mestilah mengambil bahagian secara langsung. Kreativiti pensyarah perlulah disalurkan melalui aktiviti yang digemari para pelajar bagi mencapai objektif pengajaran sekali gus menangkis perasaan bosan mereka terhadap subjek terbabit. Secara keseluruhannya, persetujuan para pelajar terhadap kaedah-kaedah menangani kebosanan mereka berada di tahap yang tinggi, iaitu melebihi 92 peratus. Situasi ini

menggambarkan para pelajar sangat memerlukan kaedah-kaedah tersebut untuk mengatasi kebosanan mereka terhadap subjek pembinaan negara bangsa tersebut.

RUJUKAN

- Chu, J. & Couper, D. P. (2003). The flag and freedom. *Social Education*. v67 i6. 327.
- Gehring, J. (2002). States Weigh Bills To Stoke Students' Patriotism. *Education Week*. Vol.21.
- Ku Hasnita Ku Samsu. (2014). Menangani Kebosanan Pembelajaran Kursus Kenegaraan Malaysia: Suatu Catatan Pengalaman. Kertas kerja dalam Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan. 19 – 21 Januari. Hotel Marriot Putrajaya.
- Manzo, K.K. (2001). Education experts expect resurgence of patriotism in nation's classroom. *Education Week*. Vol. 21. Iss. 4. m.s. 10.
- Mohamad Johdi Dan Ariegusrini. (2009). Transformasi Pengajaran Sejarah Berasaskan Multimedia Dalam Abdul Razaq Dan Isjoni. Transformasi Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; Dan, Fkip, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia
- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah Dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat. Bil 36. Hlm 90-106*
- Murni Wan Mohd Nor, Zatul Himmah Adnan, Ku Hasnita Ku Samsu, Mohd Mahadee Ismail. (2016). Determining Teaching Methods For Malaysian Nationhood: Towards Increasing Student Patriotism. *dalam Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (Cosna 4)*. Hlm. 537-537. Tanjung Malim: UPSI
- Norhayati Ishak, Fathilah Akmal Ismail, Fiqkha Akma Mohd Hussein, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. (2016). Pemupukan Patriotisme Menerusi Pendidikan Sejarah Dari Perspektif Pemimpin Politik Malaysia *dalam Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (Cosna 4)*. Hlm. 661-668. Tanjung Malim: UPSI
- Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 8. (2016). Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017. Dimuat turun daripada http://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2016/circularfile_file_001419.pdf
- Vail, K. (2002). Best Uses For The New Student Patriotism. *Education Digest*. Vol. 67. 8-11.
- Yong Shu Lan. (2013). Gabungan Pendekatan Konstruktivisme Dan Behaviorisme Bagi Meningkatkan Prestasi Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Tiga. Seminar Pendidikan Sejarah Dan Geografi. UMS. (29 – 30 Ogos)